

Janji PM Akan Dimasukkan Dalam Manifesto BN Kelantan - Awang Adek Bernama
8 September, 2012

BACHOK, 8 Sept (Bernama) -- Memartabatkan Islam, pembinaan lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai, mengatasi masalah air dan perumahan rakyat yang merupakan janji Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan dimasukkan dalam manifesto Barisan Nasional (BN) Kelantan pada pilihan raya umum ke-13.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata janji itu pasti ditepati jika rakyat Kelantan memberi mandat kepada BN pada pilihan raya umum itu.

"Rakyat Kelantan perlu mempercayainya kerana janji itu diberi oleh pucuk pimpinan tertinggi negara," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis Hari Raya Aidil Fitri anjuran Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kelantan di Tangok di sini, pada Sabtu.

Awang Adek yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata selain itu janji untuk membina stadium bagi menggantikan Stadium Sultan Muhammad Ke-1V juga akan dimasukkan ke dalam manifesto itu.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa kerajaan negeri tidak dapat membina Lebuhraya Rakyat sebagaimana yang dirancang kerana halangan kerajaan persekutuan, beliau berkata ia adalah satu fitnah yang sengaja ditimbulkan untuk menutup kegagalan kerajaan negeri membinanya sendiri dengan kos hampir RM2 bilion.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693093>